



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 18

27hb Ogos 2015

TAMBAHAN
No. 1

No. 3304.

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR 1959

LAWS OF THE CONSTITUTION OF SELANGOR 1959

PENGURNIAAN GELARAN

CONFERMENT OF TITLE

Menurut Perkara XXXVIII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, setelah berunding dengan Dewan di-Raja, Selangor telah memperkenankan melantik Yang Mulia Raja Datin Paduka Hajah Marthiah binti Raja Amran (KP. 510430-10-5428) sebagai Orang Besar Istana dengan gelaran Yang Dimuliakan Engku Seri Puri berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2015.

Pursuant to Article XXXVIII of the Laws of the Constitution of Selangor 1959, His Royal Highness the Sultan of Selangor, after consultation with the *Dewan di-Raja*, Selangor has assented to appoint Yang Mulia Raja Datin Paduka Hajah Marthiah binti Raja Amran (NRIC. 510430-10-5428) as *Orang Besar Istana* with the title of *Yang Dimuliakan Engku Seri Puri* with effect from 1 August 2015.

[DDR.Sel. 1/2009 Jld. 3; P.U. Sel. (ADV)PS 05/4/17]

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

No. 3305.

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 79

APPOINTMENT UNDER SECTION 79

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Khairul Afzali bin Mohamad (KP. 811112-03-6083) untuk memegang jawatan Majistret Kelas Kedua di dalam dan bagi Daerah Gombak berkuat kuasa mulai 18 Mei 2015.

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has appointed Khairul Afzali bin Mohamad (NRIC. 811112-03-6083) to hold the office of Second Class Magistrate in and for the District of Gombak with effect from 18 May 2015.

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 06/03/2005; P.U. Sel. (ADV)PS 05/04/2 Jld. 2]

YAB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

*Dato' Menteri Besar Selangor/**Dato' Menteri Besar of Selangor***No. 3306.**

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 79

APPOINTMENT UNDER SECTION 79

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Mohd Faizal bin Abdul Raji (KP. 780411-10-5617) untuk memegang jawatan Majistret Kelas Kedua di dalam dan bagi Daerah Kuala Selangor berkuat kuasa mulai 8 Mei 2015.

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has appointed Mohd Faizal bin Abdul Raji (NRIC. 780411-10-5617) to hold the office of Second Class Magistrate in and for the District of Kuala Selangor with effect from 8 May 2015.

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 06/05/2005; P.U. Sel. (ADV)PS 05/04/2 Jld. 2]

YAB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

*Dato' Menteri Besar Selangor/**Dato' Menteri Besar of Selangor*

No. 3307.

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 79

APPOINTMENT UNDER SECTION 79

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan Majistret Kelas Dua di dalam dan bagi Daerah yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], the State Authority has appointed of the persons named in column (1) of the Schedule to hold the office of Second Class Magistrates in and for the District specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Office	(3) Tarikh/Date
Mohd Asraf bin Redzuan (KP./NRIC. 831215-10-5553)	Majistret Kelas Kedua Daerah Kuala Langat/ Second Class Magistrate District of Kuala Langat	17-11-2014
Nur Afida binti Zahazmi (KP./NRIC. 841104-13-5812)	Majistret Kelas Kedua Daerah Kuala Langat/ Second Class Magistrate District of Kuala Langat	5-5-2015

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 06/08/2005; P.U. Sel. (ADV)PS 05/04/2]

YAB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
*Dato' Menteri Besar Selangor/
Dato' Menteri Besar of Selangor*

No. 3308.

PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 79

REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER SECTION 79

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], Pihak Berkuasa Negeri telah membatalkan pelantikan Mohd Azhar bin Mohd Daud (KP. 790227-14-5079) untuk memegang jawatan Masjistret Kelas Kedua di dalam dan bagi Daerah Hulu Langat berkuat kuasa mulai 30 Mac 2015.

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has revoked the appointment of Mohd Azhar bin Mohd Daud (NRIC. 790227-14-5079) to hold the office of Second Class Magistrate in and for the District of Hulu Langat with effect from 30 March 2015.

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 06/07/2005; P.U. Sel. (ADV)PS 05/04/2 Jld. 2]

YAB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
*Dato' Menteri Besar Selangor/
Dato' Menteri Besar of Selangor*

No. 3309.

PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 79

REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER SECTION 79

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri telah membatalkan pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has revoked the appointment the persons named in column (1) of the Schedule to hold the office specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

JADUAL/*SCHEDULE*

(1) Nama/ <i>Name</i>	(2) Jawatan/ <i>Office</i>	(3) Tarikh/ <i>Date</i>
Mazian binti Manan (KP/ <i>NRIC</i> . 790712-10-5222)	Majistret Kelas Kedua Daerah Petaling/ <i>Second Class Magistrate District of Petaling</i>	27-3-2015
Siti Sarah binti Abu Samah (KP/ <i>NRIC</i> . 850927-10-5440)	Majistret Kelas Kedua Daerah Petaling/ <i>Second Class Magistrate District of Petaling</i>	26-9-2014

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 06/02/2005; P.U. Sel. (ADV)PS 05/04/2 Jld. 2]

YAB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
*Dato' Menteri Besar Selangor/
Dato' Menteri Besar of Selangor*

No. 3310.

PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 79

REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER SECTION 79

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* No. 843 yang disiarkan pada 12 Mac 2015, dipinda dengan menggantikan perkataan “Zainal” perkataan “Md. Zainal”.

In the Government of Selangor *Gazette* Notification No. 843 published on 12 March 2015, is amended by substituting for the word “Zainal” the word “Md. Zainal”.

[PTGS/BDP 06/02/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/2 Jld. 2]

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 3311.

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Khairul Afzali bin Mohamad (KP. 811112-03-6083) untuk memegang jawatan Penolong Pentadbir Tanah di dalam dan bagi Daerah Gombak berkuat kuasa mulai 18 Mei 2015.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority has appointed Khairul Afzali bin Mohamad (NRIC. 811112-03-6083) to hold the office of Assistant Land Administrator in and for the District of Gombak with effect from 18 May 2015.

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 06/03/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/04/2 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/
State Secretary of Selangor*

No. 3312.

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Acta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to hold the office specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Office	(3) Tarikh/Date
Mustaffa bin Harudin (KP./NRIC. 641002-10-7865)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor/ Assistant Land Administrator District of Kuala Selangor	1-4-2015
Mohd Faizal bin Abdul Raji (KP./NRIC. 780411-10-5617)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor/ Assistant Land Administrator District of Kuala Selangor	8-5-2015

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 02/05/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/04/2 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/
State Secretary of Selangor*

No. 3313.

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Acta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to hold the office specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Office	(3) Tarikh/Date
Mohd Asraf bin Redzuan (KP./NRIC. 831215-10-5553)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat/ <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	17-11-2014
Nur Afida binti Zahazmi (KP./NRIC. 841104-13-5812)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat/ <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	5-5-2015
Mohd Faiz bin Mohd Daud @ Kamaruddin (KP./NRIC. 730624-10-5631)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat/ <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	1-9-2007
Mohd Idham bin Mohammad Idris (KP./NRIC. 850802-10-5623)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat/ <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	1-9-2007
Nurul Syazwanni binti Rosli (KP./NRIC. 910204-10-5676)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat/ <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i> Penolong Pentadbir Pegawai Tanah atau Pegawai Penempatan Daerah Kuala Langat/ <i>Assistant Land Officer and Settlement Officer District of Kuala Langat</i>	8-12-2014

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 02/08/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/04/2 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/
State Secretary of Selangor*

No. 3314.

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* No. 1934 yang disiarkan pada 4 Jun 2015, dipinda dengan menggantikan perkataan "Pentadbir Tanah" kepada perkataan "Penolong Pentadbir Tanah".

In the Government of Selangor *Gazette* Notification No. 1934 published on 4 June 2015, is amended by substituting for the word “Land Administrator” with the word “Assistant Land Administrator”.

[PTGS/BDP 06/03/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/2 Jld. 2]

No. 3315.

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* No. 2481 yang disiarkan pada 19 Jun 2014, dipinda dengan menggantikan perkataan “24-2-2011” kepada perkataan “24-2-2014”.

In the Government of Selangor *Gazette* Notification No. 2481 published on 19 June 2014, is amended by substituting for the word “24-2-2011” with the word “24-2-2014”.

[PTGS/BDP 06/02/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/2 Jld. 2]

No. 3316.

PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah membatalkan pelantikan Mohd Azhar bin Mohd Daud (KP. 790227-14-5079) untuk memegang jawatan Penolong Pentadbir Tanah di dalam dan bagi Daerah Hulu Langat berkuat kuasa mulai 30 Mac 2015.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority has revoked the appointment of Mohd Azhar bin Mohd Daud (NRIC. 790227-14-5079) to hold the office of Assistant Land Administrator in and for the District of Hulu Langat with effect from 30 March 2015.

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 06/07/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/04/2 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/
State Secretary of Selangor*

No. 3317.

PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah membatalkan pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has revoked the appointment the persons named in column (1) of the Schedule to hold the office specified in column (2) with effect from the date specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Office	(3) Tarikh/Date
Mohd Yasin bin Alwi (KP./NRIC. 810404-10-5335)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat/ <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	17-11-2014
	Penolong Pegawai Tanah atau Pegawai Penempatan Daerah Kuala Langat/ <i>Assistant Land Officer or Settlement Officer District of Kuala Langat</i>	
Azhar bin Hussain (KP./NRIC. 580329-10-5005)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat/ <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	8-12-2014

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 06/08/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/04/2 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/
State Secretary of Selangor*

No. 3318.

PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah membatalkan pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority has revoked the appointment the persons named in column (1) of the Schedule to hold the office specified in column (2) with effect from the date specified in column (3).

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Nama/Name	Jawatan/Office	Tarikh/Date
Mazian binti Manan (KP/NRIC. 790712-10-5222)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Petaling/ <i>Assistant Land Administrator District of Petaling</i>	27-3-2015
Siti Sarah binti Abu Samah (KP/NRIC. 850927-10-5440)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Petaling/ <i>Assistant Land Administrator District of Petaling</i>	26-9-2014
Farahzila binti Ariffin (KP/NRIC. 820123-14-5060)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Petaling/ <i>Assistant Land Administrator District of Petaling</i>	5-3-2015
Mohd Faizal bin Abdul Raji (KP/NRIC. 780411-10-5617)	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Petaling/ <i>Assistant Land Administrator District of Petaling</i>	20-4-2015

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

[PTGS/BDP 06/02/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/04/2 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/
State Secretary of Selangor*

No. 3319.

PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* No. 830 yang disiarkan pada 12 Mac 2015, dipinda dengan menggantikan perkataan "Zainal" kepada perkataan "Md. Zainal".

In the Government of Selangor *Gazette* Notification No. 830 published on 12 March 2015, is amended by substituting for the word "Zainal" with the word "Md. Zainal".

[PTGS/BDP 06/02/2005; P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/2 Jld. 2]

No. 3320.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan sistem perkhidmatan dan pembetulan dan telah menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for sewerage and service system and has designated that the Federal Land Commissioner shall have control of the reserved land.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Kuala Langat. Pekan/*Village*—Jenjarom. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 205909. No. Lot/*Lot No.*—25873 Seksyen 2/*Section 2*. Luas/*Area*—584 meter persegi/*square metres*.

[PTK.Lgt. F8/1/254; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Daerah/*District*—Kuala Langat. Mukim/*Mukim*—Telok Panglima Garang. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 110931. No. Lot/*Lot No.*—13049. Luas/*Area*—723 meter persegi/*square metres*.

[PTK.Lgt. F8/1/365/2014; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3321.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan surau dan telah menetapkan bahawa Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam Selangor.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified Plan* deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for surau and has designated that the Director of Islamic Religious Department of Selangor shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the *Majlis Agama Islam Selangor*.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Klang. Mukim/*Mukim*—Klang. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 10-070480. No. Lot/*Lot No.*—53990. Luas/*Area*—1287 meter persegi/*square metres*.

[PTK. 10A/26/93; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

*Dato' Menteri Besar
Selangor*

No. 3322.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan tanah lapang dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for open space and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Kuala Selangor. Pekan/*Village*—Kuala Sungai Buloh. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 116914. No. Lot/*Lot No.*—8095 Sekyen 2/*Section 2*. Luas/*Area*—2003 meter persegi/*square metres*.

[PTKS. 1W/31/2013; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

*Dato' Menteri Besar
Selangor*

No. 3323.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan tanah lapang dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for open space and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Hulu Selangor. Bandar/*Town*—Kuala Kubu Baharu. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 51813. No. Lot/*Lot No.*—216 Sekyen 15/*Section 15*. Luas/*Area*—4000 meter persegi/*square metres*.

[PTUS. 8C/39/2010; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3324.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan kuil dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Pertubuhan Kuil Arulmigu Sri Thandayuthabani.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for temple and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the *Pertubuhan Kuil Arulmigu Sri Thandayuthabani*.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Hulu Selangor. Bandar/*Town*—Batang Kali. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 218141. No. Lot/*Lot No.*—18995. Luas/*Area*—855 meter persegi/*square metres*.

[PTUS. 8C/20/2010; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3325.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Acta 56/1965], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan kuil dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Pemegang Amanah Kuil Sri Sitty Vinayagar.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for temple and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the *Pemegang Amanah Kuil Sri Sitty Vinayagar*.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Hulu Selangor. Bandar/*Town*—Serendah. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 220387. No. Lot/*Lot No.*—40685 Seksyen 20/*Section 20*. Luas/*Area*—2081 meter persegi/*square metres*.

[PTHS. 8C/58/2010; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

*Dato' Menteri Besar
Selangor*

No. 3326.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan Sekolah Rendah Agama dan telah menetapkan bahawa Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam Selangor.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for Religious Primary School and has designated that the Director of Islamic Religious Department of Selangor shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the *Majlis Agama Islam Selangor*.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Sabak Bernam. Pekan/*Village*—Sungai Sepintas. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 109244. No. Lot/*Lot No.*—51. Luas/*Area*—5006 meter persegi/*square metres*.

[PTSB. 1A/38/14; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3327.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan Perkuburan Islam dan telah menetapkan bahawa Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam Selangor.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for Islamic Cemetary and has designated that the Director of Islamic Religious Department of Selangor shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the *Majlis Agama Islam Selangor*.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Sabak Bernam. Mukim/*Mukim*—Bagan Nakhoda Omar. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 29337. No. Lot/*Lot No.*—3204. Luas/*Area*—1.61947 hektar/*hectares*.

[PTSB. 1A/30/14; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Daerah/*District*—Sabak Bernam. Mukim/*Mukim*—Panchang Bedena. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 29932. No. Lot/*Lot No.*—12612. Luas/*Area*—2.073 hektar/*hectares*.

[PTSB. 1A/35/14; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3328.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan surau dan telah menetapkan bahawa Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam Selangor.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified Plan* deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for *surau* and has designated that the Director of Islamic Religious Department of Selangor shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the *Majlis Agama Islam Selangor*.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Sabak Bernam. Mukim/*Mukim*—Sungai Panjang. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 150710. No. Lot/*Lot No.*—10261. Luas/*Area*—1122 meter persegi/*square metres*.

[PTSB. 1A/31/14; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Daerah/*District*—Sabak Bernam. Mukim/*Mukim*—Bagan Nakhoda Omar. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 109929. No. Lot/*Lot No.*—5828. Luas/*Area*—0.1416 hektar/*hectare*.

[PTSB. 1A/32/14; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Daerah/*District*—Sabak Bernam. Pekan/*Village*—Sungai Besar. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 10-053253. No. Lot/*Lot No.*—13319. Luas/*Area*—1357 meter persegi/*square metres*.

[PTSB. 1A/37/14; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3329.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan Pusat Latihan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for Training Centre of Syariah Judiciary Department State of Selangor and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the *Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor*.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Kuala Langat. Mukim/*Mukim*—Kelanang. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 205339. No. Lot/*Lot No.*—15979. Luas/*Area*—20210 meter persegi/*square metres*.

[PTK.Lgt. F8/1/263; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3330.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan Tempat Letak Kereta Awam dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Kuala Langat.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified Plan* deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for Public Car Park and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Kuala Langat District Council.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Kuala Langat. Pekan/*Village*—Telok. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 207199. No. Lot/*Lot No.*—21244 Seksyen 1/*Section 1*. Luas/*Area*—1620 meter persegi/*square metres*.

[PTK.Lgt. F8/1/268; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3331.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan tanah lapang dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for open space and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Kuala Langat. Bandar/*Town*—Sijanggang. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 204590. No. Lot/*Lot No.*—19451. Luas/*Area*—4694 meter persegi/*square metres*.

[PTK.Lgt. F8/1/166; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3332.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan dewan dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Selayang.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for hall and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Selayang Municipal Council.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Gombak. Mukim/*Mukim*—Batu. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 29626. No. Lot/*Lot No.*—37927. Luas/*Area*—1348 meter persegi/*square metres*.

[PTG. 9/1/6/2012; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Daerah/*District*—Gombak. Bandar/*Town*—Batu. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 51326. No. Lot/*Lot No.*—23233. Luas/*Area*—4797 meter persegi/*square metres*.

[PTG. 9/1/6/2012; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Daerah/*District*—Gombak. Bandar/*Town*—Selayang. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 57542. No. Lot/*Lot No.*—56457. Luas/*Area*—1556 meter persegi/*square metres*.

[PTG. 9/1/7/2012; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
Dato' Menteri Besar
Selangor

No. 3333.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Acta 56/1965*], yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam Sel. P.U. 17/1984 pada 7 Jun 1984, Menteri Besar Selangor telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan *Akui* yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk tujuan tanah lapang dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar of Selangor by Notification published in Sel. P.U. 17/1984 on 7 June 1984, the Menteri Besar of Selangor has reserved the land described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, for public purpose, to wit, a site for open space and has designated that the State Secretary of Selangor shall have control of the reserved land.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Gombak. Mukim/*Mukim*—Hulu Kelang. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 10-057902. No. Lot/*Lot No.*—11214. Luas/*Area*—3365 meter persegi/*square metres*.

[PTG. 9/4/53/2011; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3]

Bertarikh 7 Ogos 2015

Dated 7 August 2015

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

Dato' Menteri Besar

Selangor

No. 3334.

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 121 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 20 Januari 2000, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Menteri Besar Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. P.A. 10-030577 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor adalah dirizabkan bagi maksud awam iaitu untuk tujuan tapak Pejabat Haiwan dan dikawal oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor.

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam mesyuarat telah mewakili perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* sebagai *G.N. Sel. No. 2373* pada 25 Jun 2015:

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat yang diwakilkan kepadanya sebagaimana yang disebut terdahulu, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

JADUAL

Daerah—Sabak Bernam. Pekan—Sekinchan. No. Pelan—P.A. 10-030577. No. Lot—222. Luas untuk Dibatalkan Rizab—2113 meter persegi.

Bertarikh 7 Ogos 2015
[PTSB. 1A/26/12;
